# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 11 | RABU 12HB MACH, 1980. | 1400 رابو 24 ربيع‌الاخير | PERCHUMA


## Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong berangkat pulang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong telah berangkat pulang ka-Kuala Lumpur pada pagi Isnin yang lalu. Keberangkatan pulang Baginda berdua telah di-berikan dengan penoh penghormatan.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri; DYTM Paduka Seri Begawan Sultan; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Permaisuara, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal dan lain2 Kerabat Diraja telah berada di-Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untok menguchapkan selamat berangkat kapada Baginda berdua.

Lain2 pembesar negara yang berada di-lapangan terbang termasok-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pehin2 dan Pegawai2 Kanan Kerajaan.



DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ketika memereksa barisan kehormatan sa-jurus sa-belum Baginda berangkat pulang.

Sa-jurus sa-belum Duli2 Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong menaiki pesawat terbang eksekutif Kerajaan Malaysia, Baginda berdua bersama2 Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri naik ka-atas pentas khas untok menerima tabek hormat Diraja ketika alunan lagu2 Kebangsaan Negara Ku dan Allah Selamatkan Sultan.

Sa-telah itu, DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong di-junjong oleh Pemerentah Perbarisan YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt Kol Dato Seri Pahlawan Mohammad untok memereksa barisan yang terdiri dari Anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei.

Sa-belum Baginda berdua menaiki kapal terbang, bachaan Do'a Selamat telah di-bachakan oleh YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz dan di-ikuti dengan alunan azan.

Turut meninggalkan negeri ini pagi itu ia-lah DYTM Tengku Mahkota Pahang dan lain2 kerabat Diraja Pahang serta rombongan pasokan Polo Diraja Pahang dengan menaiki pesawat terbang eksekutif Kerajaan Malaysia yang lain.

Duli2 Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong berada di-sini sa-lama enam hari untok menyaksikan Perlawanan2 Polo Antarabangsa Brunei kali yang ketiga.

Sa-lama berada di-sini DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan DYMM Seri Paduka Raja Permaisuri Agong telah membuat beberapa siri lawatan antara-nya

Lihat muka 20



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei menguchapkan selamat berangkat kapada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri (tengah) juga berada di-lapangan terbang untok menguchapkan selamat berangkat kapada pelawat2 Diraja itu.

### Perlawanan Polo Antarabangsa kali ke-3

## Pasokan Baginda Sultan kekal jadi juara

JERUDONG. — Pasokan Polo Kebawah Duli Yang Maha Mulia sekali lagi berjaya mempertahankan kejuaraan apabila ia di-istiharkan sa-bagai pemenang dan merupakan pasokan yang tidak pernah tewas di-sepanjang perlawanan polo antarabangsa kali ketiga yang bermula perlawanan-nya dari 29hb Februari hingga 9hb Mach lepas.

Perlawanan2 itu telah berlangsong di-dua gelanggang Polo ia-itu di-Jerudong dan Berakas, tetapi kebanyakan perlawanan itu di-adakan di-Jerudong.

Pasokan Baginda bermain dalam tujoh perlawanan dan satu perlawanan lagi sa-chara persahabatan dengan Pasokan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang mana berkesudahan pasokan Baginda Sultan juga memenangi perlawanan itu dengan 7 gol berbalas 5 dan memenangi Tropi LNG.

Ke-tujoh2 perlawanan yang pasokan Baginda masoki itu telah berjaya menewaskan pehak lawan dan gol yang di-kutip oleh pasokan Baginda keselurohan-nya ia-lah sa-banyak 70 dan gol yang paling tinggi di-perolehi bagi tiap2 satu perlawanan ia-lah 11 dan paling sedikit 8.

Dengan ini, pasokan Baginda telah berjaya mempertahankan Piala Sultan sa-lain dari memenangi beberapa piala yang lain saperti Piala Concorde British dan Piala Calatagan.

Keputusan perlawanan dari 4hb hingga 9hb Mach ada-lah saperti berikut :

**4hb Mach, 1980**
**Piala Sultan dan Piala Penerbangan Diraja Brunei**

Pasokan Perdana yang di-ketuai oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir menewaskan Diraja Pahang yang di-ketuai oleh Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang dengan kedudokan mata 8-7.

**Tropi Concorde British**

Pasokan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang di-ketuai oleh Baginda sendiri menewaskan pasokan Cirencester Park dari United Kingdom dengan 8 gol berbalas 5.

**5hb Mach, 1980**
**(Piala2 Sultan dan Hongkong and Shanghai Bank)**

Pasokan Cirencester Park, UK menewaskan Calatagan dari Filipina dengan 9 gol berbalas 8.

**6hb Mach, 1980**
**(Piala Chartered Bank dan Piala Bolkiah)**

Pasokan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan menewaskan pasokan Perdana 11-8.

Pasokan Diraja Pahang mengalahkan Cirencester Park, UK dengan 9 gol berbalas 5.

**7hb Mach, 1980**
**(Piala2 Sultan dan Reading & Bates)**

Pasokan Diraja Pahang menewaskan Calatagan dari Filipina dengan kedudokan gol 7-4.

Lihat muka 20

## 43 orang chalun lulus S.A.P. Perengkat "A"

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 43 orang penuntut dari Pusat Tingkatan Enam, Jalan Gadong telah lulus dalam pepereksa-an Sijil Am Pelajaran Singapura-Cambridge perengkat lanjutan aliran Melayu yang telah di-adakan pada bulan Nobember tahun lepas.

Mereka yang lulus itu telah mendapat sekurang2-nya dua mata pelajaran perengkat lanjutan dan dua mata pelajaran perengkat biasa. Perengkat lulus ada-lah bersamaan dengan 42.16 peratus.

Sementara sa-lebeh-nya saramai 59 orang penuntut bersamaan dengan 57.84 telah lulus sekurang2-nya mendapat satu mata pelajaran perengkat biasa.

Dari jumlah yang telah lulus itu tiga orang penuntut dari pusat tersebut telah mendapat kelulusan dengan empat mata pelajaran perengkat lanjutan dan satu mata pelajaran perengkat biasa. Mereka ia-lah Dayang Siti Norhani bte Amai, Awang Haji Omar bin Haji Mail dan Jepet anak Malang.

Sementara itu bagi chalun persendirian dari Bandar Seri Begawan sa-ramai 28 orang chalun telah lulus ia-itu bersamaan dengan 12.64 peratus. Chalun2 yang lulus itu ia-lah mereka yang mendapat sekurang2-nya dua mata pelajaran perengkat lanjutan dan dua mata pelajaran perengkat biasa. Sa-lebeh-nya sa-ramai 369 orang chalun telah lulus sekurang2-nya satu mata pelajaran perengkat biasa dan sa-ramai 44 orang telah gagal.

Bagi chalun persendirian dari Seria pula sa-ramai 10 orang chalun telah lulus dengan mendapat sekurang2-nya dua mata pelajaran perengkat lanjutan dan dua mata pelajaran perengkat biasa ia-itu bersamaan dengan 10.53 peratus.

Sementara itu sa-ramai 53 orang chalun telah juga mendapat sekurang2-nya satu mata pelajaran perengkat biasa.

### Manis-nya Iman

**KILDAH bin Hanbal mencheritakan : "Saya datang mengadap Rasulullah s.a.w. dan terus masok dengan tidak terlebeh dahulu memberi salam." Maka Baginda pun bersabda : "Engkau keluar-lah dulu, kemudian uchapkan-lah *Assalamu 'alaikum* dan bertanya-lah *Ada-kah saya boleh masok?* —HADITH Nabi riwayat Abu Daud dan At-Tirmizi.**

**Pelita Brunei**

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

12HB MACH, 1980

بسم الله الرحمن الرحيم

## SUATU PENGHORMATAN KAPADA NEGARA

KUNJONGAN beberapa orang tetamu negara yang keselurohan-nya terdiri dari pemain2 yang menyertai perlawanan polo antarabangsa ketiga dalam beberapa minggu ini jelas memperlihatkan suatu keistemewaan dan penghormatan kapada negara kita dan ini juga merupakan suatu pernyataan yang benar2 mendapat restu dari Allah s.w.t. kapada kita yang terus memperhatikan dan memelihara asas ingin bersahabat dan berbaik-baik dengan semua negara baik yang jauh mahu pun yang dekat serta saling hormat-menghormati antara satu dengan yang lain.

Dari kenyataan itu kita merasa yakin kebanggaan yang menyelubongi jiwa raga kita sa-bagai raayat negeri ini hasil dari kunjongan itu akan terus membuahkan kemurnian sikap kita sa-bagai orang2 Brunei yang terus-menerus mengamalkan rasa hormat dan galat kapada mana2 jua orang yang berkunjong ka-rumah tangga kita dan ini sedikit sa-banyak tentu pula akan menjadi restaan dan chontoh tauladan kapada tetamu negara itu untok di-kenang apabila mereka kembali ka-tanah ayer masing2.

Maka dalam pada itu suatu kehormatan yang paling besar dapat kita rasakan di-antara semua tetamu negara itu ia-lah kunjongan yang di-lakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Malaysia serta beberapa orang kerabat Diraja Negeri Pahang yang di-ketuai sendiri oleh DYTM Tengku Mahkota Pahang ia-itu putera DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong sendiri, dan ini-lah kunjongan kali kedua dari dua orang ketua negara sahabat dan jiran kita sejak kunjongan DYMM Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth pada tahun 1972.

Keberangkatan tiba tetamu diraja itu yang di-sambut dengan hamparan permaidani merah dan di-alu-alukan sendiri oleh DYMM Paduka Seri Baginda Sultan serta lain2 pembesar negara tidak di-ragukan lagi ada-lah penghormatan yang di-beri dan di-terima antara kedua ketua negara itu. Dan, ini ada-lah jelas membayangkan pernyataan yang akrab dan saling bergandingan antara kedua-nya yang berasal dari satu keturunan rumpun Melayu yang sa-chara langsong membayangkan kewujudan dan keutohan daulat beraja itu di-kalangan raayat kedua negara.

Perpaduan dan keakraban yang sa-umpama ini-lah yang terang2 di-perlihatkan oleh kedua-dua ketua negara dan perlu sekali kita junjong kerana ia-nya merupakan kemurnian sikap satu bangsa yang berasal dari rumpun Melayu yang sudah tidak asing lagi dengan sifat2 kemurnian itu. Maka tidak ada keindahan yang dapat kita rasakan kenekmatan-nya sa-lain dari pernyataan yang di-perlihatkan dari sikap murni dan saling hormat-menghormati lebeh2 lagi yang di-perlihatkan oleh kedua-dua Baginda.

Dari sudut lain keberangkatan itu juga dapat meyakinkan kapada kita betapa kita sa-bagai sa-buah masharakat yang sedikit jumlah-nya dan berada dalam sa-buah negara yang kechil terus mendapat perhatian dari mana2 pehak di-sekitar kita. Dari perhatian ini status kita sa-bagai masharakat yang bernegara sudah tidak dapat di-perkechilkan, malah ia-nya dapat memboktikan kemampuan kita untok bergandingan dan menghadapi apa jua chabaran dengan negara2 luar, kerana itu matalamat kita untok terus berbaik2 dengan negara2 yang baik, sa-bagai sa-buah negara berdaulat tidak perlu di-khuatiri lagi sebab negara kita dan bangsa kita bukan-lah baru wujud dan pertama kali menchapai kedaulatan malah sa-memang-nya negara dan bangsa kita pernah menegakkan sa-buah empayar yang besar dan agong di-gugusan ini dalam zaman kesultanan Bolkiah lagi.

## PADA HEMAT SAYA....

## KERJA: ANTARA CHARI DAN PILEH

ADA-KAH kata2 seruan 'Jangan Memileh Kerja' telah tidak masin lagi sekarang?

Maksud kata2 tersebut bukan-lah menyuroh orang bekerja apa saja bagi mendapatkan mata-pencharian. Tentu yang di-perhitongkan ia-lah halal tidak-nya sa-suatu kerja itu, meski pun bukan sa-mesti-nya sudah terjamin dan sesuai.

'Jangan Pileh' itu harus di-fahamkan bermaksud: ambil dulu sa-barang kerja yang halal sementara mendapatkan lain2 kerja yang di-kira lebeh terjamin dan sesuai.

Dan kerja yang lebeh terjamin dan sesuai itu tentu pula-lah di-dapatkan dengan kelayakan2 yang di-perlukan menurut kadar-nya. Itu maana-nya sa-seorang harus terus menerus meninggikan taraf mata-pencharian-nya melalui pekerjaan yang menjamin masa depan-nya dan masa depan keluarga-nya.

Tapi, bagaimana pertimbangan awda apabila mengikuti cherita saya ini......?

### TIGA WANITA

Belum berapa lama dulu ada tiga orang wanita berjumpa saya dengan maksud minta kerja. Ketiga2-nya memberitahu yang mereka sudah turun-naik banyak tempat bagi maksud tersebut.

Sa-orang di-antara mereka sudah berumah-tangga dan menurut-nya dia terpaksa menchari kerja sa-telah suami-nya 'buat olah'. Sementara yang dua orang lagi telah berhenti sekolah lebeh tiga tahun dulu sa-takat Tingkatan Dua. dan semenjak itu sudah rata2 melamar kerja.

Bila saya nasehatkan 'jangan pileh kerja', wanita yang sudah berumah-tangga itu tiba2 menchebekkan bibir-nya saperti dia tidak menyetujui kata2 itu.

"Tinggal sedap di-dengar," kata-nya.

"Mengapa?" tanya saya.

"Memang ada banyak kerja, tapi inda semua-nya orang sanggup, maka tentu tah orang kan memileh," dengan lantang dia menjawab.

Saya dapat menjangkakan dia memang 'lastip' kerana itu dia saperti jadi juruchakap rakan-nya yang dua orang lagi.

Hendak saya tanyakan apa kerja yang mereka sanggupi tentu sa-olah2 di-pejabat saya ada kerja yang boleh di-tawarkan.

### TURUN-NAIK

"Kami sudah turun-naik banyak tempat," tiba2 sa-orang lagi bersuara. Dia memberanikan diri berchakap. "Ada orang menawarkan kerja jadi amah di-rumah-nya, tapi inda ku sanggup sambong-nya berterus terang.

"Aku pun inda jua sanggup kan bekerja jadi amah itu," rakan-nya yang dari tadi mendiamkan diri tiba2 menyampok.

"Auu......mun kan jadi amah di-rumah orang inda payah unjar sana unjar sini," wanita yang lastip tadi bersuara pula. "Aku pun sudah merasai daulu sa-belum laki ku membuat olah, inda sampai sa-bulan terus ku berhenti" kata-nya lagi.

"Mengapa?" saya menanya saperti tidak 'arif perkara orang gajian di-rumah2.

"Mana kan tahan, jadi-macham ulun orang saja" jawab-nya.

Saya tersenyum mendengar jawaban itu. Begitu-lah yang selalu di-dengar dari mulut wanita2 tempatan yang bekerja jadi amah di-rumah2 dan kemudian berhenti kerana macham2 alasan.

Tidak sanggup (kononnya! jadi macham ulun orang bukan-lah alasan yang sa-penoh-nya muktamad. Ada sebab2 lain, terutama-nya bagi wanita2 muda, mereka tidak sanggup mengerjakan kerja2 urusan rumah.

Saya belum sempat mendalamkan fikiran mengenai penomena saperti ini, tapi yang ketara memang begitu-lah wanita2 tempatan, jarang yang 'harkat' jadi orang gaji di-rumah2, sebab itu-lah mana2 keluarga yang memerlukan orang gaji lebeh chenderong mendapatkan wanita2 dari luar negeri.

### KERJA YANG LAYAK

"Aku inda tah jua kan minta kerja yang aku inda layak macham kerja jadi kerani atu, chukup tah kalau ada kerja memberseh2 dalam pejabat," wanita lastip itu bersuara sa-olah2 merayu. Dia saperti perchaya ada kerja kosong dapat di-berikan kapada-nya.

Hendak saya katakan terus terang tidak ada kerja kosong saperti yang di-mahui-nya itu mungkin sukar dia perchaya. Sa-kurang2-nya dia akan beranggapan saya memileh2 orang hendak di-beri kerja. Betul, kalau pun ada kerja kosong sa-umpama itu tentu wanita lastip saperti-nya tidak punya 'merit' berbanding dengan banyak lagi wanita2 yang memerlukan kerja.

"Kamu macham mana pula?" saya mengalehkan pertanyaan kapada dua orang rakan-nya.

Kedua2-nya berpandang2an saperti mahu mendapatkan kata persepakatan. Sa-jenak kemudian salah sa-orang bersuara: "Inda jua kami kan memaksa atau mendesak, memadai tah kalau dapat kita tolong charikan, besar pahala ta," rayu-nya. Dan saya sudah menjangkakan yang mereka akan minta jasa baik saya.

Geli hati jua mengenangkan rayuan begitu, geli champur sayu. Masakan saya di-anggap dapat berbuat sa-suatu bagi mencharikan orang kerja.

### TIDAK TERPILEH

"Ada kamu pergi minta kerja di-kedai2 dan di-kompleks2 membeli-belah?" saya bertanya begitu kerana belum lama dulu saya dengar ramai pekerja di-perlukan untok jadi pembantu kedai dan juru jual oleh kedai2 membeli-belah yang juga menampong pekerjaan.

"Sudah, tapi inda terpileh" jawab sa-orang yang dari tadi tinggal berjuruchakapkan rakan2-nya.

"Atu tah......, maana-nya bukan senang mendapatkan kerja yang kamu sanggup," saya mula menyimpulkan pendapat bagi menolak rayuan mereka minta saya mencharikan kerja itu.

"Sa-patut-nya kamu ambil dulu kerja2 saperti jadi aman di-rumah2 orang supaya kamu tidak tinggal turun-naik jadi penganggor." Saya memberanikan berterus terang.

Saya berkata begitu kerana kedua mereka su. lebeh tiga tahun berhenti sekolah dengan tujuan menchari kerja. Sa-patut-nya sa-lama menchari itu mereka telah insaf betapa sukar untok dapat kerja yang mereka pileh dan sanggupi.

Mereka diam, kedua2 nya memandang kapada rakan-nya yang saperti menjadi juruchakap mereka. Ketiga2-nya saling berpandang2an.

"Inda dapat di-desak2 kalau orang inda sanggup bekerja macham jadi ulun orang atu," kata rakan mereka yang lastip itu mengulang lagi anggapan bekerja jadi orang gaji di-rumah2 itu saperti jadi ulun orang.

Mahu rasa-nya menindeh anggapan-nya itu, tapi gera terfikir oleh saya betapa orang sa-lastip machnam dia tidak mudah menerima hujjah2 orang. Dia *chuma mahu* apa yang *di-mahui-nya*, sekali pun sa-benar-nya, saya yakin *tidak tahu* sa-penoh-nya *apa yang di-mahui-nya itu.*

### BESAR JUA PAHALA

Sa-telah diam sa-bentar dia bersuara lagi: "Auu... besar jua pahala ta kalau kita tolong mencharikan kami kerja," dia mengulangi pula rayuan dua orang rakan-nya.

"Maalom saja tah kami inda bepelajaran ani, apa jua kan modal kami ...... kita pun barangkali lebeh faham," sambong-nya lagi sambil memandang kapada dua orang lagi rakan-nya yang jauh lebeh muda dari-nya, dan tentu juga jauh maseh mentah tentang hidup ini.

Kedua2 rakan-nya itu tinggal menganggok2 saja.

Kata2-nya itu dengan sendiri-nya menepati anggapan saya terhadap-nya, bahawa dia *chuma mahu* apa yang *di-mahukan-nya* tapi sunggoh tidak sa-penoh-nya *tahu akan kemahuan-nya.* Kerana kalau-lah dia tahu tentu dia sendiri tidak perlu chuba meyakinkan saya dengan menyebutkan mereka tidak punya modal pelajaran yang baik. Yang saya dapat tangkap maksud-nya menyebut begitu dia sunggoh lastip chuba mempercnayakan orang lain, atau mungkin juga kedua orang rakan-nya itu bahawa orang perempuan yang tidak bermodalkan pelajaran chuma mudah dapat kerja atau memileh kerja lain yang berkehendakan modal lain pula.

Salah *siapa-kah* sampai begitu jadi-nya nanti?

Hendak di-salahkan zaman dan suasana yang menggalakkan orang2 perempuan keluar bekerja tentu-lah jauh dari tepat.

Kapada wanita2 saperti tiga orang yang saya cheritakan ini tentu awda dan siapa2 termasok-lah juga saya maseh perlu mengingatkan mereka bahawa di-sana sini ada banyak lagi kerja2 yang patut mereka sanggupi dari tinggal menyerah kapada keadaan dan suasana turun-naik memileh kerja.—*Ketua Pegawai Penerangan.*

**"Bila saya nasehatkan 'jangan pileh kerja', wanita yang sudah berumah-tangga itu tiba2 menchebekkan bibir-nya saperti dia tidak menyetujui kata2 itu....."**

# MALAYSIAN RULER RETURNS HOME



**The King of Malaysia and his wife arriving at a hall at Jerudong Park to attend a party. On his right is His Highness the Sultan.**

BANDAR SERI BEGAWAN. — The King of Malaysia, the Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Tuanku Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah and the Queen, the Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tengku Hajjah Afzan, returned home on Monday after a week's visit to Brunei.

They and their entourage arrived in Brunei on March 4 to watch the Brunei International Polo Tournament, held at the Jerudong Park and at Berakas, which attracted crowds of fans.

The King and his royal party who were on board the Malaysian Government's Executive Plane landed at 10:21 a.m. at the airport here and were welcomed by His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, the Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, the British High Commissioner, the YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar the YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara, the YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal, the YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal-Mashuarah, the General Adviser to His Highness the Sultan, YAB Mentri Besar, YB Acting State Secretary, Legislative Councillors, Cheterias. Pehins and senior government officers.

Soon after his arrival, the Malaysian Ruler was introduced to the members of the Royal Family.

Later, standing on a specially-made dais, the two rulers received the royal salute by two guards of honour mounted by 480 members of the Royal Brunei Malay Regiment and the Royal Brunei Police.

The Malaysian National Anthem, "Negara-Ku" and that of Brunei, "Allah Selamatkan Sultan" were played by the combined bands of the RBMR and the Police.

The King was then invited by the 1st Battalion Commander of the RBMR, the Yang Behormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt Col Dato Seri Pahlawan Mohammad to inspect the guards of honour.

After the inspection, the King was introduced by His Highness the Sultan to the Cheterias, Pehins, and senior government officers.

The Ruler left the airport for Istana Tetamu where he and his entourage stayed during their visit here.

In the afternoon, the King, the Queen and the entourage had an audience with His Highness the Sultan and members of the Royal Family at the Palace.

The King and his party then watched the International Polo Matches held at Jerudong.

Last Wednesday night, His Highness the Sultan and Malaysian King attended a party held at the Jerudong Park.

Several Royal Family members were also present, including the YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar, the YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara, the YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal, and the Crown Prince of Pahang.

Other VIPs present at the function were the British High Commissioner, the General Adviser to His Highness the Sultan, the YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, the Mentri Besar, YAB Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, and the YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rea' Wal-Mashuarah.

The party was very successful, all the guests of honour and the host enjoyed themselves very much.

The King and Queen are interested in the mass media. Last Thursday morning, they paid a visit to Radio Television Brunei.

They and their royal entourage were met at RTB by its Controller, Dato Miller and senior officials.

They were led to view its various sections and were briefed on its operations and the performance of the modern equipment.

(See the picture on the left).

Before the end of the visit, they were entertained to a screening of a friendly polo match between His Majesty's team and His Highness the Sultan's team played on Wednesday.

The Friday prayer is very important to Moslems. The Yang Di-Pertuan Agong of Malaysia and His Highness the Sultan joined thousands of Moslems on Friday in the prayer at the Omar Ali Saifuddin Mosque in the capital.

Other royal participants in the prayer included the YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar, the YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara, and Cheterias.

In the evening, His Majesty Yang Di-Pertuan Agong hosted a reception aboard the K.D. Seri Langkawi of the Royal Malaysian Navy at Muara Base.

Meanwhile, the Crown Prince of Pahang, the Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota, paid a visit to the Brunei Museum in Kota Batu on March 2 morning.

On arrival at the museum, he and his 16-member entourage were welcomed by its Director, the Hon'ble Pengiran Dato Sharifuddin bin Pengiran Metali who later led them to see the exhibits displayed in the premises.

The royal visitors then visited another place of interest, the Brunei Cultural and Historical Centre at the Churchill Memorial Building in the capital.

Tengku Mahkota, while in Brunei, led the Royal Pahang team in last week's Brunei International Polo Tournament.

It is an honour for Brunei to hold the International Polo Tournament, in which about 13 teams took part.

The results of the matches are published in Today's Malay version of Pelita Brunei.



## Cross country final on 31st

TUTONG. — The Senior and Junior Secondary and the Primary schools throughout the state will compete in the final of the cross country race to be held on March 31 at the Muda Hashim Sports Arena here.

The competitions to select the representatives of every district were held in the repective districts last month.

The four districts will be represented by the first three winners.

The champion and the runner-up teams of the Brunei-Muara district will represent the district in the team section while the other three districts will only be represented by the first winners.

The event is organised by the Physical Section of the Education Department. It is the sixth contest for the senior secondary and the sixteenth for the Primary schools.

Meanwhile, in the Belait district, the Belait Red Cross Association is to hold an eleven-mile big walk on the same day.

It will begin at the Kuala Belait Recreation Club Padang and will end at the Sports Arena Padang in Seria.

The competition is aimed at collecting funds for the Association.

Those wishing to take part are asked to obtain entry forms from Awg. Jemat bin Embal at Perdana Wazir English School or Awang Sidek bin Ali, at the Anthony Abell College in Seria.

The closing date will be on Friday, March 14. Furthermore, more than 100 students from 7 lower secondary Schools in Tutong last week participated in the district's cross country race held at the Muda Hashim Malay Secondary School Sports Arena in Tutong Town.

The contest was divided into 5 sections for boys and girls. The distance for boys was 4 miles, while the girls ran 3 miles.

The winning team and the first 3 winners in the individual sections will represent the district at the state level cross country race to be held on March 31 here.

The Tutong District Supervisor of Feeding Scheme, Awg Hamdan bin Mohammed Said presented the prizes.

## Fire victims receive donations

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Junior Officers Union last Wednesday afternoon donated one thousand dollars to 2 fire victims.

Pengiran Salieh bin Pengiran Haji Rajid and Pengiran Yussof bin Pengiran Anak Hashim, former tenants of the gutted semi detached government houses in Jalan Dato Taib here received $500 each.

The sum was handed over by the President of the Union, Awang Abu Bakar bin Haji Ishak at the Language and Literature Bureau's Lecture Hall in the presence of the Secretary of the Union, Awg Haji Ali bin Haji Nassar.

The houses were on fire 4 months ago.

## Police recruit young men

GADONG. — The Royal Brunei Police is expanding, thus requiring more manpower to maintain law and order of the country.

The force is now seeking a number of young men for entry into it as contables.

Successful applicants will undergo a 6 — month recruit training at the Police Training Centre, Jalan Muara in early May, 1980.

Applicants must be Brunei subjects, bachelors or married, aged between 18 and 28, at least 5′ 2″ in height, and be physically fit. The minimum qualification is Standard VI in Malay or English.

The starting salary of a recruit is $325 a month plus $100 allowance.

On completion of training, the basic salary and allowance arise to $525.

Applicants will be interviewed by the Recruiting Officers. The place, date and time of interviews are stated as follows:—

Bandar Seri Begawan Police Station: March 17 and 18, at 8 a.m. and 2 p.m.

Tutong Police Station: March 19, at 8 a.m.

Lamunin Police Station: March 19, at 2 p.m.

Kuala Belait Police Station: March 20, at 8 a.m.

Seria Police Station: March 20, at 2 p.m.

Bangar Police Station: March 22, at 8 a.m.

Again at Bandar Seri Begawan Police Station: March 24 and 25, at 8 a.m. and 2 p.m.

## Malay Cambridge results released

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Examination Board of the Education Department last week released the results of the Singapore Cambridge 'O' Level Malay Medium Examination.

The exmanition was held at 8 centres throughout the state in November last year.

Of the 402 candidates sat for the exam last year, 194 or 48.26% passed in at least 3 subjects.

The Hassanal Bolkiah Arabic Secondary School here scored the best results (70% passed).

Of 10 of its candidates, only 3 failed.

The second is the Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan in Jalan Muara (53.15%).

The third is the Sultan Mohammad Jamalul Alam Secondary School here (46.35%).

The other 2 schools, the Muda Hashim Secondary School in Tutong and the Ahmad Tajuddin Secondary School in the Belait District obtained 46.26% and 42.85% passes respectively.

Of the 697 private candidates, 200 or 28.69% passed in at least 3 subjects.

# Allah puncha pertolongan (I)

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

### Siri ke-23

### KEAGONGAN ALLAH

DALAM Surah Al-Fatihah, Allah Ta'ala telah memperkenalkan keagongan dan kebesaran-Nya kapada kita dengan firman-Nya الحمد لله رب العالمين Tafsir-nya: *"Bahawa segala puji2an itu kepunyaan Allah Ta'ala Tuhan sekalian Alam"*, الرحمن الرحيم Tafsir-nya: *"Allah Ta'ala Tuhan yang bersifat sangat2 pemurah dan sangat2 mengasehani"* مالك يوم الدين Tafsir-nya: *"Allah Ta'ala itu Tuhan yang memileki perkara2 hari balasan ia-itu Hari Kiamat"*.

اياك نعبد واياك نستعين

Tafsir-nya: *"Allah mengajar kita, kira-nya kita sudah mengenali Allah melalui sifat2-Nya yang maha suchi dan mulia itu, di-suroh-Nya pula kita menyembah dan beribadat kapada-Nya sahaja dan di-suroh-Nya kita meminta pertolongan dan bantuan daripada-Nya (tidak kapada yang lain), kerana Ia Tuhan dan kita pula hamba-Nya"*.

Dalam suatu Surah yang lain Allah berfirman:

قل هو الله احد

Tafsir-nya: *"Katakan oleh-mu ya Rasulullah, ia-itu Allah Ta'ala itu tunggal Esa"* (yakni Allah itu sempurna dan terkaya dari sasuatu yang ada di-alam ini).

الله الصمد

Tafsir-nya: *"Allah Ta'ala itu Tuhan tempat tumpuan bagi memohon segala hajat dan maksud pada segenap ketika dan masa"*.

لم يلد

Tafsir-nya: *"Allah Ta'ala itu Tuhan tiada memperanakkan sa-siapa kerana Allah itu lain dari jenis alam ini"*.

ولم يولد

Tafsir-nya: *"Allah Ta'ala itu Tuhan tiada di-peranakkan oleh sa-siapa"* (yakni Allah Ta'ala Tuhan tiada berhajat kapada sa-siapa pun sa-balek-nya segala makhlok berhajat, bergantong dan bermohon kapada-Nya).

ولم يكن له كفوا احد

Tafsir-nya: *"Allah Ta'ala itu tiada sa-siapa pun menyamai atau sa-banding atau sa-akan2 dengan-Nya"* (yakni Allah Ta'ala menyalahi akan segala alam ini).

Ini dia sifat2 Allah yang wajib kita beri'tiqad perchaya, jazam dan berpegang dengan hati yang penoh yakin akan benar-nya, dan dengan tiada boleh ragu2 atau shak atau waham atau waswas lagi.

### AKIBAT MERAGUKAN SIFAT2 ALLAH

Barangsiapa ragu2 akan sifat2 Allah Ta'ala yang telah tersebut di-dalam Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Ikhlas tadi, sekira-nya ia orang Islam bererti-lah ia telah keluar dari ugama tersebut atau di-panggil murtad dan wajib-lah ia bertaubat kembali kapada Allah dengan menguchap dua kalimah shahadat

اشهد ان لا اله الا الله واشهد ان محمدا رسول الله

serta faham akan erti-nya dan beri'tiqad dengan sabenar2 i'tiqad akan isi kandongan dua kalimah shahadat itu sa-telah ia membuang sebarang shak dan ragu2. Dengan yang demikian baharu-lah ia menjadi orang Islam semula.

Jika ia tiada kembali kapada Islam dalam masa dan tempoh 'eddah isteri-nya maka dengan sendiri-nya terputus-lah tali nikah kahwin antara dia dengan isteri-nya. Pada masa itu isteri-nya pun terfasakh daripada-nya (bukan isteri-nya lagi).

Jika ia mati dalam masa murtad-nya itu jadi-lah ia bangkai dan tiada-lah sah di-sembahyangkan bangkai-nya itu, kerana sembahyang jenazah hanya di-lakukan ka-atas orang Islam. Sa-lain itu bangkai-nya juga haram di-tanam di-tanah perkuboran Islam, kerana perkuboran Islam hanya tertentu kapada umat Islam sedangkan ia bukan orang Islam lagi.

### BERDO'A HANYA KAPADA ALLAH

Allah Ta'ala mengajar kita jika hendak berdoa, berdoa-lah kapada-Nya dan jika meminta pertolongan minta-lah kapada-Nya, kerana Allah puncha terbit segala pertolongan dan bantuan, sa-bagaimana dalam Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Ikhlas tadi.

Firman Allah Ta'ala:

ادعوني استجب لكم

(Surah Ghafir, ayat 60).

Tafsir-nya: *Sembah-lah kamu akan Daku neschaya Aku kabolkan doa kamu.*

Firman Allah:

يا ايها الذين آمنوا اتقوا الله وابتغوا اليه الوسيلة

(Surah Al-Maedah, ayat 35).

Tafsir-nya: *"Hai mereka yang beriman hendak-lah kamu takutkan Allah dengan chara menta'ati-Nya, dan mohon-lah kapada Allah dengan chara menchari jalan yang membawa kamu ta'at kapada-Nya (wasilah)"* — (tafsir Al-Jalalain).

### ERTI WASILAH

Erti Wasilah ia-lah sasuatu yang di-jadikan perantaraan untok membolehkan berdamping dengan sasuatu yang lain, Wasilah kapada Allah erti-nya berdamping dengan Allah dengan sa-suatu amal.

Berkata Al-Allamah As-Sheikh Zahid Al-Kauthari yang meninggal tahun 1371 Hijrah (Rahimahullahu Ta'ala) dalam Mahqut-Taqauul Fi Masaaltit-Tawassul dari Maqalatul-Kauthari yang di-chetak di-Mesir pada tahun 1372 Hijrah.

"Telah saya sebutkan firman Allah Ta'ala yang berbunyi:

يا ايها الذين آمنوا اتقوا الله وابتغوا اليه الوسيلة

Ayat ini menjadi dalil bahawa Tawassul dengan zat dan dengan amal ada-lah di-suroh dalam shara', kerana itu

ابتغاء الوسيلة

mengandongi kedua-nya. Pendapat ini bukan berdasarkan fikiran sa-mata2 dan bukan di-ambil dari pengertian bahasa Arab sachara umom, juga berdasarkan apa yang telah di-riwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Abdul Bar dalam kitab Al-Isti'aab daripada Syedina Umar (Radhiallahu 'Anhu) bahawa menurut Syedina Umar sa-telah ia mohon kapada Allah supaya menurunkan hujan dengan Syedina Al-Abbas (Radhiallahu 'Anhu), permohonan tersebut di-makbolkan Allah di-mana mereka telah dikorniakan hujan sa-telah mengalami kemarau yang berpanjangan".

Kata Syedina Umar: "Demi Allah, sa-sunggohnya ini-lah yang di-namakan Tawassul kapada Allah ia-itu dengan menggunakan kebesaran nama dan kewaraan serta keberkatan Syedina Al-Abbas (Radhiallahu 'Anhu)".

Menurut Al-'Allamah Al-Kauthari lagi: "Sa-bahagian dari hadith2 dan athar2 dalam perkara tawassul ia-lah hadith yang di-keluarkan oleh Al-Imam Al-Baihaqi yang meninggal tahun 458 Hijrah, yang mana dengan riwayat-nya di-keluarkan pula oleh Al-Imam At-Taqi As-Subki dalam Shifaus-Siqam dan lain2 daripada hadith Malikud-Dar dalam perkara Bilal bin Harith Al-Muzaniya (Radhiallahu 'Anhu) yang memohon hujan dengan Nabi (Salallahu 'alaihi wassallam). Kejadian ini berlaku dalam masa pemerentahan Khalifah Syedina Umar. Keterangan hadith itu berbunyi begini: Orang ramai telah mengalami musim kemarau pada masa pemerentahan Syedina Umar bin Al-Khattab (Radhiallahu 'Anhu). Sa-orang laki2 telah datang ka-makam Rasulullah (Salallahu 'alaihi wassalam) lalu ia mengadu: "Ya, Rasulullah mohon tuan hamba mintakan hujan kapada Allah bagi pehak umat tuan hamba, kerana harta benda mereka telah binasa". Lalu Rasulullah (Sallallahu 'alaihi wassalam) telah datang kapada-nya sedang ia tidor, Rasulullah bersabda kapada-nya:

ائت عمر فاقرئه السلام واخبره انهم يسقون

Erti-nya: *"Kamu pergi kapada Umar dan sampaikan salam saya kapada-nya, dan khabarkan kapada-nya bahawa mereka akan di-beri hujan"*.

"Hadith ini di-keluarkan oleh Al-Imam Al-Bokhari dalam "Tarikh"-nya. Juga di-keluarkan oleh Ibnu Abi Khaithamah dalam Isabah dan Ibnu Abi Shaibah dengan isnad sahih dalam Al-Fath".

Kata Al-Allamah Al-Kauthari seterus-nya: "Hadith ini suatu nas yang menunjokkan perbuatan sahabat2 minta hujan dengan Rasulullah (Sallallahu 'alaihi wassalam), sa-lepas Baginda wafat ada-lah benar, dan tiada sa-orang sahabat pun menolak akan kebenaran kejadian itu, pada hal perkhabaran itu sampai kapada mereka itu". Biasa-nya sa-suatu perkara yang di-sandarkan kapada Amirul-Mu'minin memang heboh dan di-ketahui oleh orang ramai.

*WALLAHU A'ALAM*

(Bersambong)

### Pembetulan

DALAM tulisan bertajok: "SIAPA-KAH MULHID?" (1) yang di-siarkan pada 20hb Februari, 1980, para (6) baris ke-(7) berbunyi: "Isteri-nya TERTALAK daripada-nya" sila betulkan dengan "Isteri-nya TERFASAKH daripada-nya".

# ISLAM MENITEK-BERATKAN KEBAJIKAN PENGANUT2-NYA

ISLAM ada-lah ugama yang sangat2 menitik-beratkan terhadap kepentingan penganut2-nya. Islam tidak mahu melihat sa-tengah penganut-nya hidup di-dalam keadaan senang dan mewah sedang sa-tengah penganut-nya yang lain hidup menderita dan sengsara. Samada akibat di-timpa benchana alam atau teraninya oleh musoh2 Islam yang sentiasa hendak menghanchorkan Islam dan penganut2-nya.

Di-dalam konsep hidup Islam, bahawa sa-tiap penganut-nya dan yang mengaku diri-nya sa-orang mukmin kapada Allah dan Rasul-Nya ada-lah merupakan saling hidup berkaitan di-antara satu dengan lain, di-mana masing2 di-antara mereka ada-lah di-ikatkan oleh tali persaudaraan keislaman yang kokoh, yang di-namakan juga sa-bagai "hablullah" ia-itu tali Allah.

Konsep persaudaraan di-dalam Islam ada-lah mempunyai sekop yang luas lagi menyeluroh, ini tidak hanya tertentu kapada sa-kelompok penganut2-nya, Islam sa-tempat atau satu2 daerah atau hanya sa-buah negeri sahaja, bahkan ini meliputi seluroh umat Islam baik di-mana pun mereka berada, ini jelas sa-bagaimana yang di-terangkan oleh Allah di-dalam Al-Kor'an Surah Al-Hujurat ayat 1 — 10 yang bermaksud: *"Sa-sunggoh-nya orang2 mukmin itu ada-lah bersaudara maka hendak-lah kamu membuat aslah (kebaikan atau kebajikan) di-kalangan saudara2 kamu"*.

Di-samping ada-nya perhubongan persaudaraan sa-sama kita umat Islam. Allah juga memerintahkan kita supaya melaksanakan kewajipan dan tanggong-jawab sa-sama kita sa-bagai umat yang di-katakan bersaudara, ia-itu supaya sentiasa berbuat aslah, aslah yang di-dalam ertikata bukan hanya sa-takat menyuroh sa-sama kita berbuat ma'aruf dan meninggalkan yang mungkar akan tetapi juga dengan menghulorkan bantuan dan pertolongan kapada sa-tiap saudara2 kita yang memerlukan dan berkehendakkan kapada pertolongan, terutama kapada saudara2 kita yang memerlukan dan berkehendakkan kapada pertolongan, terutama kapada saudara2 kita yang di-ancham oleh musoh2 Islam. Kerana kewajipan dan tanggong-jawab mempertahankan kesuchian dan kehormatan Islam ada-lah terletak di-atas sa-tiap umat2 Islam.

Islam ada-lah tidak redha melihat sa-tengah penganut-nya hanya ber-sikap sa-bagai penonton terhadap apa2 penderitaan dan kesengsaraan yang menimpa penganut2-nya yang lain. Serta tidak memadai hanya dengan menyatakan perasaan simpati, sedangkan pada hakikat-nya dia berupaya untok menghulorkan pertolongan atau bantuan, kerana sikap yang saperti itu ada-lah sama juga dengan sikap orang2 Bani Israel di-zaman Nabi Musa a.s., ketika Nabi Allah Musa menyeru mereka berjihad ka-jalan Allah akan tetapi mereka enggan mengatakan saperti yang di-nyatakan di-dalam Al-Kor'an Surah Al-Ma'-edah ayat 23 yang bermaksud: *Maka pergi-lah engkau (Nabi Musa) bersama Tuhan mu berperang sa-sunggoh-nya kami di-sini dudok menunggu sahaja.*




Sa-benar-nya perbuatan memberi dan mengeluarkan sa-barang bantuan atau pertolongan terutama kapada jalan Allah ada-lah merupakan suatu kewajipan di-samping ia-nya sa-bagai perkara yang berkebajikan dan suatu ibadat yang dapat mendatangkan pahala kapada yang ber-buat-nya, bahkan ganjaran yang akan di-terima itu ada-lah berlipat-ganda. Di-samping itu pernah Rasulullah menjelaskan sa-bagaimana sabda Baginda yang bermaksud: *Tiada akan berkurangan harta itu jika di-sedekahkan.* Dan sabda Baginda lagi yang bermaksud: *Sa-siapa yang melepaskan atau meringankan kesusahan dari-pada sa-seorang muslim maka Allah akan melepaskan daripada-nya kesusahan hari kiamat.*

Memang tidak dapat di-sangkalkan ada orang yang selalu menghulorkan bantuan atau pertolongan kapada saudara2-nya yang lain akan tetapi hanya-lah sa-kadar melepaskan batok di-tangga, sedang ia ber-upaya untok berbuat lebeh daripada itu. Sa-benar-nya sifat pertolongan saperti itu belum-lah lagi menepati saperti mana yang di-kehendaki oleh Allah dan Rasul-Nya, kerana Allah pernah berfirman dalam surah Ali-Emran ayat 92 yang bermaksud: *Kamu tidak akan memperolehi kebajikan sa-hingga kamu membelanjakan sa-bahagian dari apa2 yang kamu sayangi.*

Dari itu ingat-lah bahawa harta kekayaan yang kita chari di-dunia ini tidak akan dapat mendatangkan apa2 kebaikan kapada kita di-akhirat nanti, melainkan jika kita pergunakan pada perkara2 yang berkebajikan di-akhirat saperti bersedekah dan membelanjakan-nya pada jalan Allah (sabilullah) di-samping kita menunaikan hak2 kewajipan terhadap Allah, oleh itu buat-lah kebajikan dengan sa-baik2-nya untok bekalan di-akhirat nanti sa-belum terlambat.

## IKHLAS DAN TAKWA DALAM MANA2 PEKERJAAN

**Bingkisan minggu ini**

MENURUT ajaran Islam bahawa dunia bukan-lah sa-bagai matalamat atau tujuan kehidupan kita, ia-nya hanya-lah sa-bagai alat untok menyampaikan kapada tujuan kita yang mutlak ia-itu-lah alam akhirat. Oleh sebab itu-lah orang2 Islam tidak di-kehendaki beramal dan berbuat kebaikan sa-mata2 untok mendapatkan kemegahan hidup di-dunia kerana yang demikian itu tidak akan dapat menchapai tujuan mutlak kita sa-ba-gai hamba Allah.

Untok menchapai tujuan kehidupan kita yang sa-benar-nya maka satu2-nya sifat atau dasar hidup muslim yang sangat di-tuntut oleh Ugama Islam ia-lah berlaku ikhlas dan bertakwa dalam melakukan apa jua pekerjaan yang berkebajikan.

Kehidupan di-dunia yang di-anggap jambatan untok ka-akhirat ada-lah satu proses di-mana suka dan duka, senang dan susah serta sedih gembira saling tukar berganti. Proses kehidupan yang di-sebutkan itu tidak lain dan tidak bukan ada-lah sa-mata2 kornia daripada Allah kapada sekalian hamba-Nya dan di-situ pula terdapat berbagai-bagai nekmat yang kadang2 tidak ternampak dalam pandangan kita sa-bagai manusia.

Proses kehidupan yang suka, senang, gembira dan mewah umpama-nya, jarang-lah menjadi satu persoalan yang sering di-perkatakan oleh manusia, kerana ia-nya menjadi chita2 kehidupan kita sa-mula jadi, tetapi dalam proses kehidupan yang duka, susah serta sedih, ia sering kali menjadi kelohan perasaan dan rintehan hati, pada menyesalikan nasib yang menimpa diri sendiri.

Ambil-lah sa-bagai chontoh, mithal-nya sa-orang itu gagal dalam usaha-nya, sa-telah sekian lama ia berusaha, atau sa-seorang itu mendapat satu kemalangan meskipun ia telah berhati-hati, maka kejadian2 yang telah berlaku itu sering kali membawa kapada rintehan dan kelohan. Bahkan lebeh jauh dari itu kadang-kala hingga sampai kapada penyesalan terhadap Yang Maha Kuasa yang konon-nya membezakan nasib-nya dengan orang lain.

Sa-sunggoh-nya, kelohan yang sa-demikian itu di-sisi ugama, ada-lah kelohan dan rintehan dari sa-orang hamba yang tidak ikhlas kapada chubaan yang di-datangkan kapada-nya. Dan sa-sunggoh-nya dia tidak sedar yang pengertian kehidupan ini ada-lah chubaan dan chabaran yang sa-tiap hamba mesti menghadapi-nya sa-bagai ukuran takwa-nya kapada Allah.

Dari pandangan ugama perbuatan tersebut boleh membawa kapada murtad dan berdosa besar. Sa-andai-nya sa-seorang itu sudah tidak dapat menguasai perasaan-nya lantaran perbuatan-nya sa-bagai-mana yang di-sebutkan tadi ia-itu-lah berasa sangsi atau memperkechil-kechilkan nekmat Allah.

Yang demikian betapa penting-nya sifat takwa dan ikhlas tersebut terhadap anugerah Allah Yang Maha Kuasa yang kira-nya akan memperkokohkan jambatan perjalankan kita untok menuju alam akhirat.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 12hb Mach, 1980 hingga ka-hari Selasa 18hb Mach, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini:

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 12hb Mach | 12.35 | 3.54 | 6.37 | 7.48 | 4.58 | 5.12 | 6.27 |
| 13hb Mach | 12.35 | 3.54 | 6.37 | 7.48 | 4.58 | 5.12 | 6.27 |
| 14hb Mach | 12.35 | 3.54 | 6.37 | 7.48 | 4.58 | 5.12 | 6.27 |
| 15hb Mach | 12.35 | 3.54 | 6.37 | 7.48 | 4.58 | 5.12 | 6.27 |
| 16hb Mach | 12.33 | 3.52 | 6.36 | 7.47 | 4.56 | 5.10 | 6.25 |
| 17hb Mach | 12.33 | 3.52 | 6.36 | 7.47 | 4.56 | 5.10 | 6.25 |
| 18hb Mach | 12.33 | 3.52 | 6.36 | 7.47 | 4.56 | 5.10 | 6.25 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.



## Dua orang lagi memelok Ugama Islam

DALAM masa dua bulan pertama tahun ini di-Daerah Brunei dan Muara hampir 20 orang telah memelok Ugama Islam.

Minggu lalu telah berlangsong beberapa majlis pengIslaman yang antara-nya di-Kampong Serdang bertempat di-masjid berkenaan sa-orang bangsa China, Tan Kian Hong telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Osman Shah bin Abdullah.

Awg Tan telah memelok Ugama Islam di-hadapan Awang Haji Abd. Saman bin Abd. Kahar, Ketua Pegawai Pelajaran Ugama yang menyempurnakan akad pengIslaman itu.

Gambar kiri menunjokkan Awg. Osman (dudok di-tengah) di-majlis tersebut. (Gambar JHEU)

# JADUAL PEMILEHAN PERADUAN BINTANG KECHIL 1980

BAHAGIAN Melayu Radio Brunei, akan mengan-jorkan Peraduan Nyanyian Bintang Kechil Radio 1980, kali yang ke-tiga-nya. Borang2 penyertaan telah pun di-keluarkan, dan telah berakhir penyertaan-nya pada hari Khamis, 28hb Febuari 1980 yang lalu.

Pemilehan bagi perengkat awal di-jalankan di-keempat Daerah awal bulan Mach ini. Untok panduan kapada peserta2 yang menghantar borang penyertaan di-bawah ini di-atorkan tarikh2 pemilehan awal di-empat2 buah daerah: —

Daerah Brunei/Muara

7hb Mach 1980 — Hari Jumaat — Mulai jam 8.30 pagi hingga 6.00 petang. Tempat, Studio B RTB.

9hb Mach 1980 — Hari Ahad — Mulai jam 8.30 pagi hingga 6.00 petang. Tempat, Studio B RTB.

14hb Mach 1980 — Hari Jumaat — Mulai jam 8.30 pagi hingga 6.00 petang. Tempat, Studio B RTB.

16hb Mach 1980 — Hari Ahad — Mulai jam 8.30 pagi hingga 6.00 petang. Tempat, Studio B RTB.

Daerah Belait

21hb Mach 1980 — Hari Jumaat — 9.00 pagi hingga 6.00. petang. Tempat, Studio Radio Brunei Kuala Belait.

Daerah Tutong

23hb Mach 1980 — Hari Ahad — Mulai jam 8.00 hingga 6.00 petang. Tempat, Dewan Kemasharakatan Tutong.

Daerah Temburong

28hb Mach 1980 — Hari Jumaat — Mulai jam 2.00 petang hingga 6.00 petang. Tempat, Rest House Bangar Temburong.

Di-harap peserta2 yang terlibat di-Daerah masing2, supaya akan bersedia pada tarikh2 dan tempat2 yang di-sebutkan tadi. Surat2 panggilan sedang di-edarkan sekarang.

Pemilehan untok ka-perengkat separoh akhir dan perengkat akhir, akan di-ubah bukan-nya saperti tahun2 yang sudah2. Perengkat separoh akhir, dua Daerah akan di-satukan, menjadikan dua ranchangan. Daerah Brunei Muara, akan di-satukan dengan Daerah Temburong, dan Daerah Belait akan di-satukan dengan Daerah Tutong. Kedua2 pemilehan ini, akan di-pileh untok mewakili ka-perengkat akhir yang akan di-adakan pada 5hb Julai 1980.

Peserta2 yang tidak hadir, semasa pemilehan awal, akan di-kira menarek diri dari masok bertanding.



GAMBAR atas ia-lah pelakun2 utama dalam siri "The Professionals" yang di-siarkan pada tiap2 malam Rabu. Episod malam ini bertajok "Runner". Pengenalan gambar dari kanan Gordon Jackson sa-bagai George Cowley; Martin Shaw sa-bagai Doyle dan Lewis Collins sa-bagai Bodie.

# Perlumbaan Udara London-Paris dlm tayangan gambar hari Selasa ini

HOSE Magnificent Men In Their Flying Machine ia-lah tajok tayangan gambar pada hari Selasa ini.

Kesah ini berlaku dalam zaman Merrie England tahun 1910, Patricia Rawnsley (Sarah Miles), meyakinkan bapa-nya Lord Rawnsley (Robert Morley), sa-orang penchetak akhbar yang kaya-raya dan berpengaroh, untok menjadi penaung, kapada Perlumbaan Udara London ka-Paris dan mengundang juruterbang2 dari seluroh dunia untok bertanding bagi merebut hadiah 50,000 paun.

Peserta pertama ia-lah Lieutenant Richard Mays (James Fox) dari Royal Navy, siapa yang di-harapkan oleh Rawnsley akan dapat membuktikan bahawa Britainnia memerintah udara dan juga laut. Tidak berapa lama sa-lepas itu Brookley Airdrome berhampiran dengan London di-kerumuni oleh peserta2 dari seluroh dunia. Turut bertanding untok mendapatkan nama dan kemewahan ada-lah: Orvil Newton (Stuart Whitman); Colonel Manfred von Holstein (Gert Frobe); Pierre Dubois (Jean Pierre Cassell); Count Emilia Ponticelli (Alberto Sordi); Yamamoto (Yojiro Ishihara); dan Sir Percy Ware-Armitage (Terry Thomas), — siapa yang meranchang untok mengkhianati jentera2 terbang lawan-nya.

Di-Brookley Airdrome peserta2 bersiap sedia untok bertanding dalam pertandingan yang sunggoh tegang untok merebut kehormatan negara. Orvil dan Richard bertanding untok mendapatkan perhatian Patricia, sementara Pierre Dubois yang kachak di-godai oleh beberapa orang gadis (Irina Demick) yang kelihatan serupa.

Pada hari yang di tetapkan, perlumbaan yang fantastik di-mulakan. Perhimpunan juruterbang2 dan kapal2 terbang dengan melalui berbagai rintangan hingga-lah akhir-nya mendarat di-Paris. Dan Lord Rawnsley begitu gembira sekali apabila Richard memenangi pertandingan ini. Tetapi malang-nya bagi Richard, Orvil telah berjaya menawan hati Patricia yang rupawan.



SALAH satu adigan dalam filem "Those Magnificent Men In Their Flying Machine".



## A Guava fruit bigger than a pear?

THIS week's Making A Home programme through the English Service of Radio Brunei will introduce another homeowner, Awang Abdul Kadir bin Chekku, pictured second from left, seated with his wife.

When interviewed at his home, by the producer, Nafisah Haji Ali and Mr James Thomason, Awang Kadir gave useful ideas and his opinion regarding homemaking, and one very interesting fact, among other things that he talked about, was how well his guava fruit tree had grown, that a full grown guava fruit was bigger than a pear or much the size of a young coconut. But it was guava fruit alright. You might not have seen a local guava that big, but this could be one of the special kind of species. Believe it or not, you can hear more of it on Saturday 15th March 1980, at 12.45 pm, and should you miss the original broadcast, you can tune in the following Tuesday at 9.30 pm, for the repeat.



KELIHATAN dalam gamb
memberikan laporan sa-ch
pada hari Selasa, 4hb Ma

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 12HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 KAP KAP UDANG

5.00 TARZAN, LORD OF THE JUNGLE — "Tarzan and the Forbidden City"
Orang2 telah pergi ka-Forbidden City untok menchari The Father of Diamond dan maseh belum pulang. Brian juga ikut sama. Apabila bapa-nya, saudara perempuan-nya dan Tarzan sanggup menyerahkan nyawa mereka untok menyelamatkan Brian, baru-lah ia menyedari bahawa tiada yang lebeh berharga dari nyawa.

5.30 ANIMAL WORLD — "Wifdlife of India"

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 DR WHO — "The Hand of Fear"

6.37 AZAN MAGHRIB

6.41 BEWITCHED — "Sam's Power Failure"
Kerana enggan menuruti Witches' Council dan berpisah dengan Darrin, Samantha kehilangan kuasa seher-nya.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 TRAPPER JOHN M.D.

7.48 AZAN ISHA

7.52 TRAPPER JOHN M.D. — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 MAJALLAH BRUNEI

8.50 THE PROFESSIONALS : "Runner"
Sa-buah kedai senapang di-serang dan C15 menerima maklumat yang membawa mereka ka-tempat kejadian itu tetapi terlambat untok menangkap penyerang2 itu. Satu kod khas telah digunakan sa-bagai maklumat yang dikhaskan untok satu pertubohan, sabuah rangkaian jenayah yang besar dan berkuasa, dan Cowley bimbang bahawa serangan ka-atas kedai senapang mungkin menyebabkan bermulanya satu perang besar2an di-antara Pertubohan dan Pehak2 yang berkuasa.

9.40 FEATURE : "When the North Wind Blows"

11.20 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 13HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 KAP KAP UDANG

5.00 A PLACE TO LIVE

5.15 ADVENTURES OF TIMOTHY PILGRIM

5.30 SPIDERMAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 SALVAGE

6.37 AZAN MAGHRIB

6.41 SALVAGE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 CENTENNIAL — "The Massacre" — Bahagian kedua.

7.48 AZAN ISHA

7.52 CENTENNIAL — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 HIDAYAT

9.00 DUNIA MINGGU INI

9.30 SURVIVAL — "The Parenthood Game"

10.20 GARRISON'S GORILLAS

11.10 HITACHI SOUTHERN CROSS CUP 1979 YACHT RACE

12.00 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 14HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 WORZEL GUMMIDGE

5.00 SAYANG ADEK-KU SAYANG

5.30 THE MUPPETS — "John Denver"
Dalam episod ini penyanyi terkenal John Denver akan menjadi tetamu kapada Muppets.

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 SPACE SENTINELS — "Loki"

6.26 GREEN HORNET

6.37 AZAN MAGHRIB

6.41 GREEN HORNET — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 TELEMATCH

7.48 AZAN ISHA

7.52 TELEMATCH — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 SERBA SERBI

9.00 DICK EMERY SHOW

9.30 HAWAII FIVE O — "The Capsule Kidnapping"
Sa-lepas pengganas wanita Jepun yang jelita tetapi kejam Azuko Sumada, dengan bantuan dua orang saintis Amerika yang tertipu, Colburn dan Tolvar mencholek anak kapada pengusaha terbesar di-Jepun dan menuntut wang terbesar sa-banyak $1.5 juta. Steve McGarrett dan kumpolan Five-O segera menchari anak itu demi keselamatannya.

10.20 BIG LEAGUE SOCCER

11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 15HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 KAP KAP UDANG

5.00 SESAME STREET

6.00 RENGKASAN BERITA

6.15 NEW SCOOBY DOO

6.37 AZAN MAGHRIB

6.41 WARISAN

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 DALLAS

7.48 AZAN ISHA

7.52 DALLAS — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 MAJALLAH BRUNEI

8.50 TAYANGAN FILEM MELAYU

10.30 CLIFFHANGERS

11.20 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 16HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 ROAD TO WEMBLEY

5.30 READING WITH LENNY

5.45 AL-KESAH

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 YOGI'S GALAXY GOOF-UPS — "Dyno Mule"

6.36 AZAN MAGHRIB



**WHEN THE NORTH WIND BLOWS,** pada malam ini jam 9.40 malam. Kesah ini dilakunkan di-belantara yang di-liputi salji di-Alaska mengenai sa-orang penjerat hubongan persahabatan-nya dengan sa-ekor harimau Siberia yang di-buru.

Ia enggan kembali ka-penghidupan perkampongan kerana penjerat tua ini lebeh suka tinggal di-sini dan menjadi ibubapa angkat kapada dua ekor anak harimau apabila binatang itu terbunoh dengan trajik oleh pemburu2. Dalam menghadapi penghidupan di-sini, ia menghabiskan masa hidup-nya dengan riang gembira di-samping harimau2 yang sedang membesar itu. Ia membebaskan mereka sa-lepas mereka di-tawan, melawan menentang sakumpolan serigala, melintasi belantara sempadan barat-laut dan menghilang untok menghabiskan penghidupan-nya dengan aman damai bersama teman2 binatang-nya.

6.40 DON'T ASK ME

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 THE INCREDIBLE HULK —
Dengan sharikat-nya di-serang, ia-nya dapat di-ambil aleh sa-bagai tempat untok menjalankan kegiatan dadah, tuanpunya-nya mengambil bekerja Banner sa-bagai pemandu.

7.47 AZAN ISHA

7.51 THE INCREDIBLE HULK — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 JUST FRIENDS

9.10 MUTIKA

9.50 "IKE" — Drama

11.50 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 17HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 KAP KAP UDANG

5.00 HERE COMES MUMFIE

5.15 MIGHTY HERCULES

5.30 TALES FROM 1,001 DAYS

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — "Adam's Cub"

6.36 AZAN MAGHRIB

6.40 GRIZZLY ADAMS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 KAZ — "Stalking Man"

7.47 AZAN ISHA

7.51 KAZ — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 MAJALLAH BRUNEI

8.50 PUSPARAMA

9.40 ROAD TO MOSCOW

10.30 LOU GRANT — "Conflict"

11.10 SIARAN TAMAT

## SELASA — 18HB MACH

PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN

4.30 KAP KAP UDANG

5.00 GENE MACHINE

5.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Giant From Planet Zyre"

6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 BLAKE'S SEVEN

6.36 AZAN MAGHRIB

6.40 BLAKE'S SEVEN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 A MAN CALLED SLOANE — "Samurai"

7.47 AZAN ISHA

7.51 A MAN CALLED SLOANE — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.30 ARENA SOKAN

9.15 TAYANGAN GAMBAR : "Those Magnificent Men In Their Flying Machines".

11.40 SIARAN TAMAT.

# DI-SEKITAR PERLAWANAN POL





GAMBAR atas kelihatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ketika menyaksikan salah satu perlawanan polo yang di-adakan di-Jerudong Park sementara gambar kanan pula kelihatan DYMM Baginda Yang Dipertuan Agong ketika menyertai perlawanan polo persahabatan dengan pasokan Kebawah DYMM Baginda Sultan. Perlawanan tersebut telah di-adakan pada hari Rabu lalu yang mana pasokan Kebawah DYMM Baginda Sultan menang dengan 7-5.

Perlawanan persahabatan itu ada-lah sa-bagai salah satu ranchangan yang di-ator untok DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong sa-masa lawatan Baginda sa-lama saminggu untok menyaksikan Perlawanan Polo Antarabangsa Brunei kali yang ketiga yang telah berakhir pada hari Ahad.













PERLAWANAN Polo
Brunei Kali Ketiga berakh
Ahad lalu. Kejohanan sa-lama 10
di-adakan di-Padang Polo Jeru
beberapa siri perlawanan awal
Padang Polo Berakas.

Sa-banyak 13 buah paso
tujoh buah dari luar negeri me
gian dalam kejohanan tersebut.
geluarkan enam pasokan term
Kebawah Duli Yang Maha M
Seri Baginda Sultan dan Ya
Negeri Brunei yang telah meme
an itu dua tahun berturut2.

Kejohanan pada tahun ini
pertama kali oleh dua pasokan
ia-itu dari United Kingdom dan
negeri yang menyertai perlawan
ini ia-lah Pahang, Selangor, Si
pina dan Hongkong.

Gambar2 di-halaman ini
beberapa siri perlawanan po
johanan tersebut yang telah
Padang Polo Jerudong pada m

# LAWATAN TENGKU MAHKOTA PAHANG KA-MUZIUM







GAMBAR2 ini kelihatan Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah ketika melawat Muzium Brunei pada hari Ahad, 2hb Mach yang lalu.

Tengku Mahkota Pahang itu berada di-Brunei sa-lama 10 hari untok mengetuai pasokan Polo Diraja Pahang dalam Kejohanan Polo Undangan Antarabangsa Brunei kali yang ketiga.

## Rekrut2 Pulis Diraja di-kehendaki

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Pulis Diraja Brunei menghendaki pemuda2 untok berkhidmat dengan pasokan itu sabagai anggota pulis.

Pemohon2 yang berjaya akan menjalani latehan salama enam bulan sa-bagai rekrut di-Pusat Latehan Pulis, Jalan Muara awal bulan Mei, 1980.

Pemohon2 mesti-lah raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, maseh bujang atau pun sudah beristeri. Berumor di-antara 18 dan 25 tahun dan tinggi sekurang2-nya 5 kaki 2 inchi dan berbadan sehat. Kelulusan yang di-kehendaki untok memasoki lapangan ini, hendak-lah lulus Darjah VI Melayu atau Inggeris.

Gaji permulaan bagi saorang rekrut ia-lah $325.00 sa-bulan di-tambah $100.00 sa-bagai alaon. Sa-telah tamat menjalani latehan gaji pokok dan alaon akan di-naikkan kapada $525.00.

Pemohon2 mesti-lah datang ka-tempat2 saperti berikut untok di-temuduga oleh pegawai2 pengambilan:—

Di-Balai Pulis Bandar Seri Begawan pada 17hb dan 18hb Mach pada jam 8.00 pagi dan 2.00 petang.

Di-Balai Pulis Tutong pada 19hb Mach jam 8.00 pagi dan di-Balai Pulis Lamunin jam 2.00 petang pada hari yang sama.

Di-Balai Pulis Kuala Belait pada 20hb Mach jam 8.00 pagi dan di-Balai Pulis Seria jam 2.00 petang pada hari yang sama.

Di-Balai Pulis Bangar pada 22hb Mach mulai jam 8.00 pagi.

Rombongan pengambilan itu akan berada sekali lagi di-Balai Pulis Bandar Seri Begawan pada 24hb dan 25hb Mach jam 8.00 pagi dan 2.00 petang.

## Kempen kebersehan

JALAN MUARA. — Satu Kempen Kebersehan akan di-adakan di-Sekolah Melayu Delima Satu di-sini pada hari Ahad, 16hb Mach mulai jam 7.30 pagi.

Kempen tersebut ada-lah di-anjorkan oleh Ahli2 Jawatankuasa Sekolah tersebut dan akan di-jayakan bersama oleh ibubapa, murid2, pendudok2 kampong di-sekitar-nya serta dibantu oleh badan2 sukarela dari pasokan Kadet AMDB, Kadet Pulis, dan Pasokan Pengakap.

Untok menjayakan kempen tersebut, Guru Besar Sekolah Melayu Delima satu, Awg. Abd. Rahman bin Mat Tamit meminta pendudok2 kampong Delima Satu, Manggis Satu dan Dua, Kampong Pancha Delima dan Kampong Madang supaya datang beramai2 bagi menjalankan kerja2 yang berkebajikan itu.

## Penyampaian hadiah

SERIA. — Majlis Penyampaian Hadiah Terbaik kapada penuntut2 Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria bagi tahun 1979 akan di-adakan di-Dewan sekolah itu pada 22hb Mach, 1980 jam 8.30 pagi.

Sa-ramai 30 orang penuntut akan menerima hadiah terbaik termasok tiga orang akan menerima hadiah yang di-sumbangkan oleh Sharikat Perniagaan Melayu Seria, Sharikat Berlima dan Restoran Bunga Anggerek Seria.

Ibubapa dan penjaga2 penuntut ada-lah di-jemput ka-majlis itu.

## Penghulu2, Ketua Kampong dan Ketua Rumah Panjang yang akan mengikuti Kursus Sivik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan akan menganjorkan Kursus Sivik bagi Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang. Lebeh dari 200 orang peserta akan menyertai kursus sa-lama lima hari itu. Kursus tersebut akan di-adakan dalam dua kumpolan. Kumpolan pertama (saperti nama2 di-bawah ini) akan mengikuti kursus tersebut dari 23hb Mach hingga 27hb Mach sementara kumpolan kedua pada 6hb April hingga 11hb April. Kedua2 kursus itu akan di-adakan di-Dewan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

### KUMPOLAN IA

Pengiran Haji Kahar bin Pg Haji Besar, Penghulu, Mukim Mentiri, Brunei; Datu Derma Wijaya Haji Tamit bin Aspar, Penghulu, Mukim Kilanas, Brunei; Awg Salleh bin Bungsu, Penghulu, Mukim Bokok, Temburong; Awg Haji Md Yassin bin Abdullah, Penghulu, Mukim Tanjong Maya, Tutong; Pateh Awg Haji Masri bin Ismail, Penghulu, Mukim Sungai Kebun, Brunei; Awg Haji Ibrahim bin Puteh, Ketua, Kampong Sungai Besar, Brunei; Awg Haji Kahan bin Israil, Ketua, Kampong Tanjong Nangka, Brunei; Awang Sani bin Akim, Ketua, Kampong Putat, Brunei; Pengiran Haji Mahmud bin Pg Haji Md Daud, Ketua, Kampong Pg. Pemancha Lama, Brunei; Awg Haji Kamis bin OKK Haji Tahir, Ketua, Kampong Lumapas 'A', Brunei.

Awg Haji Kamis bin Tangkim, Ketua, Kampong Belimbing, Brunei; Awg Haji Ladi bin Omar, Ketua, Kampong Limau Manis, Brunei; Awg Haji Akop bin Idris @ Haji Kula, Ketua, Kampong Pudak, Brunei; Awg Haji Md Daud bin Rendah, Ketua, Kampong Serdang, Brunei; Awg Haji Abd Rahman bin Abdullah, Ketua, Kampong S/Pahlawan Lama, Brunei; Awg Alim bin Japar, Ketua, Kampong Tungku, Brunei; Pg Haji Abd Rahman bin Pg Haji Tajudin, Ketua Kampong Pg Seraja Muda 'B', Brunei; Ampuan Tengah bin Ampuan Daud, Ketua, Kampong Menengah, Temburong.

Awg Seah anak Ilin, Ketua, Rumah Panjang Lepong Baru, Temburong; Awg Timbang anak Bana, Ketua, Kampong Panjang Batang Duri, Temburong; Awg Haji Akip bin Abd Ghani, Ketua, Kampong Panchor Dulit, Tutong; Awg Md Jair bin Haji Abd Ghafar, Ketua, Kampong Tanjong Maya, Tutong; Awg Jian bin Runtop, Ketua, Kampong Bukit Udal, Tutong; Awg Belikau anak Ugak, Ketua, Rumah Panjang Supon Besar, Tutong; Awg Lumpoh bin Selamat, Ketua, Kampong Bukit Sawat, Belait; Awg Jayan anak Sagoh, Ketua Rumah Panjang Tenajor, Belait; Awg Meringgai anak Kelambu, Ketua, Rumah Panjang Ambawang, Belait.

### KUMPOLAN IB

Awg Haji Wahab bin Haji Abdulah, Penghulu, Mukim P. Batu, Brunei; Awg Haji Tengah bin Hashim, Penghulu, Mukim K. Batu, Brunei; Pg Zulaihi bin Pg Tajuddin, Penghulu, Mukim Bangar, Temburong; Awg Abang bin Sabat, Penghulu, Mukim Lamunin, Tutong; OKLS Awg Razali bin Md Yusof, Penghulu, Mukim Labi, Belait; Awg Sabtu bin Asar @ Awg Tambah, Ketua, Kampong Sengkurong 'A', Brunei; Awg Amit bin Bungsu, Ketua, Kampong Rimba, Brunei; Awg Ibrahim bin Besar, Ketua, Kampong Saba Tengah, Brunei; YAM Pg Jaya Perkasa Pg Anak Metassan bin Pg Anak Sabtu Kamaluddin, Ketua, Kampong Pg Bendahara Lama, Brunei.

Awg Haji Abas bin Lamit, Ketua, Kampong Lumapas 'B', Brunei; Pg Haji Puteh bin Pg Ahmad, Ketua, Kampong Sumbiling Baru, Brunei; Awg Lamit bin Baha, Ketua, Kampong Panchor Murai, Tutong; Awg Haji Momin bin Awg Besar, Ketua, Kampong Pandai Besi 'A', Brunei; Awang Abu Bakar bin Md Salleh, Ketua, Kampong Datu Gandi, Brunei; Pengarah Awg Haji Othman bin A. Kadir, Ketua, Kampong Burong Pingai Ayer, Brunei; Awg Haji Berudin bin Bakar, Ketua, Kampong Mata-Mata, Brunei; Awg Md Salleh bin Abu Bakar, Ketua, Kampong Ujong Kelinik, Brunei; Awg Haji Momin bin Haji Ajak, Ketua, Kampong Rataie, Temburong; Awg Pilang anak Nyuak, Ketua, Rumah Panjang Amo 'B', Temburong; Awg Umbol anak Garan, Ketua, Rumah Panjang Semabat, Temburong.

Awg Damit bin Kassim, Ketua, Kampong Kuala Tutong, Tutong; Awg Haji Latif bin Penyurat Pali, Ketua, Kampong Penapar, Tutong; Awg Sada bin Gagot, Ketua, Kampong Bukit, Tutong; Awg Mohd Shara bin Labai, Ketua Kampong Sg. Teraban, Belait; Awg Bua bin Sambang, Ketua, Kampong Merangking, Belait; Awg Sagoh anak Gumpang, Ketua, Rumah Panjang Rampayoh, Belait; Awg Jamit anak Lasah, Ketua, Rumah Panjang Teraja, Belait.

### KUMPOLAN IC

OKMD Awg Haji Saman bin Haji Tamit, Penghulu, Mukim Sengkurong, Brunei; Awg Haji Karim bin Othman, Penghulu, Mukim Kasat, Brunei; Awg Tuah bin Tali, Penghulu, Mukim Batu Apoi, Temburong OKSD Awg Haji Md Salleh bin Abdullah, Penghulu, Mukim Kiudang, Tutong; OKSL Awg Kana anak Mudin, Penghulu, Mukim Melilas, Belait; Awg Taha bin Taran, Ketua, Kampong Sengkurong 'B', Brunei; Awg Ja'afar bin Kassim, Ketua, Kampong Menunggol, Brunei; Awg Haji Masri bin Raub, Ketua, Kampong Saba Laut, Brunei; Awg Haji Omar bin Duah, Ketua, Kampong Sultan Lama, Brunei.

Awg Haji Muhamad bin Haji Jamaludin, Ketua, Kampong OK Besar Imas, Brunei; Awg Haji Kamis bin Metali, Ketua, Kampong Junjongan, Brunei; Awg Ibrahim bin Haji Tarsad, Ketua, Kampong Pelambayan, Brunei; Pg Sharifuddin bin Pg Ahmad, Ketua, Kampong Sg. Pandan 'B' Brunei; Awg Shamsuddin bin Jamil, Ketua, Kampong Katimahar, Brunei; Awg Damit bin Merali, Ketua, Kampong Kepilong Muara, Brunei; Awg Muda bin Tumang, Ketua, Kampong Bebuloh, Brunei; Awg Haji Zaman bin Haji Kadir, Ketua Kampong Masin, Brunei; Awg Metussin bin Aliakbar, Ketua, Kampong Labu Estate, Temburong; Awang Seikh anak Bagong, Ketua, Rumah Panjang Tanjong Bungar, Temburong.

Awg Sulaiman bin Safar Ketua, Kampong Penanjong, Tutong; Awg Metali bin OKJP Haji Talip, Ketua, Kampong Keriam, Tutong; Awg Haji Md Noor bin Haji Burut, Ketua, Lamunin, Tutong; Awg Kinchai bin Ilan, Ketua, Kampong Long Mayan, Tutong; Awg Haji Md Isa bin Abdullah, Ketua, Kampong Sungai Liang, Belait; Awg Salleh bin Dangat, Ketua, Rumah Panjang Menderan Kechil, Belait; Awg Jamat anak Sumping, Ketua, Rumah Panjang Tempinak, Belait; Awg Haji Abdullah Sunny bin Haji Abu Bakar, Ketua, Kampong Sungai Pandan 'A', Brunei.

### KUMPOLAN ID

Datu Harimau Alam Awg Besar bin Munap, Penghulu, Mukim Kota Batu, Brunei; Awg Haji Ahmad bin Pateh Haji Tengah, Penghulu, Mukim Saba, Brunei; Pg Haji Md Said bin Pg Ahmad, Penghulu, Mukim Kuala Belait, Belait; OKK Awg Gimang ank Perait, Penghulu, Mukim Amo, Temburong; DKDR Awg Gadong bin OKB Among, Penghulu, Mukim Rambai, Tutong; Awg Adi bin Haji Kahar, Ketua, Kampong Lugu, Brunei; Awg Haji Abd Hamid bin Mat Rais, Ketua, Kampong Pulau Berbunut, Brunei; Awg Haji Md Puting bin Pgh Haji Rahman, Ketua, Kampong Kianggeh, Brunei; Awg Md Noor bin Md Yusof, Ketua, Kampong Ujong Bukit, Brunei.

Awg Rosli bin Haji Abdul Aziz, Ketua, Kampong Sungai Kedayan 'B', Brunei; Awangku Yahya bin Pg Haji Hashim, Ketua, Kg Anggerek Desa, Brunei; Awg Muhammad bin Haji Salim, Ketua, Sungai Siemas Brunei; Pg Haji Damit bin Pg Ahmad, Ketua, Kampong Pg Setia Negara, Brunei; Awg Mokti bin Saleh, Ketua, Kampong Tamoi Ujong, Brunei; Awg Haji Juna bin Kahar, Ketua, Kampong Lambak Kanan, Brunei; Pg Haji Othman bin Pg Metassan, Ketua, Kampong Pg Seraja Muda 'A', Brunei; Awg Yahya bin Ya'akub, Ketua, Kg Btg. Tuau, Temburong; Awg Haji Pandin bin Mahat, Ketua, Kampong Piasau2, Temburong.

Awg Igat anak Tarang, Ketua, Rumah Panjang Sumbiling, Temburong; Awg Badarudin bin Senudin, Ketua, Kampong Sengkarai, Tutong; Awg Mahari bin OK Jait, Ketua, Kampong Lubok Pulau, Tutong; Abang Md Noor bin Abang Mohammad, Ketua, Kampong Merimbun, Tutong; Awg Yong Kim Yam bin Akif, Ketua, Kampong Benutan, Tutong; Abang Haji Abu Hanafiah bin OKPSDR Abang Haji Bujang, Ketua, Pekan Kuala Belait, Belait; Awg Jamau anak Kuning, Ketua, Rumah Panjang Menderam Besar, Belait; Awg Renggan anak Hitam, Ketua, Rumah Panjang Melilas Ulu, Belait; Awg Abd Rahman bin Haji Abu Bakar, Ketua, Kampong Lurong Dalam, Brunei.

# SA-PANJANG LAWATAN DYMM







KEBERANGKATAN DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong pada hari Selasa minggu lalu (gambar atas kanan) telah di-sambut dengan hamparan tikar permaidani merah. Sa-telah selesai upachara mengalu2kan keberangkatan Baginda di-Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, pelawat2 Diraja itu dengan di-iringi oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei berangkat ka-Istana Tetamu di-mana Baginda bersemayam sa-masa lawatan Baginda ka-sini. Gambar kiri Baginda Yang Dipertuan Agong memperkenalkan pegawai2 yang mengiringi Baginda kapada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-ruang tamu Istana Tetamu.

Gambar atas kelihatan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berdiri tegak sa-masa lagu Kebangsaan kedua2 buah negeri di-mainkan sajurus sa-belum Majlis Santapan yang di-adakan di-Istana Darul Hana pada malam sementara gambar kanan pula kelihatan Baginda Yang Dipertuan Agong dan Baginda Yang Dipertuan Negeri Brunei bertukar2 chenderamata.





DULI2 Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong juga telah mengadakan lawatan ka-Studio RTB. Gambar atas kelihatan pelawat2 Diraja itu ketika berada di-salah sa-buah studio RTB.



DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah menunaikan sembahyang fardzu Ju[...] Omar' Ali Saifuddin. Gambar atas kelihatan Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah D[...] Seri Baginda Sultan sedang di-ziarahi oleh orang ramai sa-telah selesai menunaikan sembahyang

# ERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG



eri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong mengadakan Majlis Santapan di-atas kapal Angkatan Laut Diraja Malaysia K. D. Seri Langkawi. Ke-YMM Paduka Seri Baginda Sultan, DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, DYTM Paduka Seri Sultan dan lain2 Kerabat Diraja Pahang dan Brunei telah berangkat ka-majlis tersebut (gambar atas).



DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong juga telah berkunjong ka-Istana Darul Hana. Gambar atas kelihatan pe-lawat2 Diraja di-alu2kan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri sementara gambar bawah pula kelihatan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong bersalaman dengan DYTM Paduka Seri Begawan Sultan.





DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri (kiri) dan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah ketika menghadhiri salah satu Majlis Santapan di-Jerudong Park.







DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong mempunyai ator achara yang berasingan. Pada hari Sabtu lalu, Baginda telah melawat Lapau Diraja, Masjid Omar Ali Saifuddin (gambar kanan Baginda menanda tangani Buku Pelawat masjid tersebut) dan Makam Diraja di-mana Baginda dan rombongan Baginda membacha tahlil bagi Al-marhumah DYTM Paduka Suri Seri Begawan Raja.

# ANTARABANGSA KALI KETIGA





**KEBAWAH DYMM** Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang mengetuai pasokan Baginda dalam perlawanan2 Polo yang di-adakan pada minggu lalu.





YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah yang banyak menjaringkan gol bagi pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.




ngsa
hari
telah
huali
di-

asok
paha-
men-
okan
duka
rtuan
han-

buat
ah —
Lain2
ahun
Fili-

kkan
ke-
di-





**intisari RTB minggu ini**



di-tayangkan pada hari Selasa.



u2 ulas Radio, Bahmin Hamdan (memegang Microphone) dan Ali Haji Aji, sa-masa
g, keberangkatan tiba DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia

# RANCHANGAN TVP DARI 17HB — 22HB MACH

## ISNIN — 17HB MACH

**PAGI**

9.20 SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
"Chuacha 1"

Ranchangan ini ada-lah bahagian pertama dari siri ranchangan chuacha. Dalam ranchangan ini murid-murid akan belajar mengenai : —

a) Apa dia chuacha ?
b) Pengaroh chuacha dalam kehidupan sa-hari2.
c) Ramalan chuacha.

Untok ramalan chuacha TVP akan membawa murid-murid menjumpai sa-orang nelayan, sa-orang petani dan sa-orang pegawai kajichuacha.

Tonton-lah ranchangan ini untok mengetahui bagaimana mereka meramal keadaan chuacha.

10.30 KAP KAP UDANG 41
Ranchangan kali ini akan di-isikan dengan ruangan BERLAKUN, KERJA TANGAN, SI-MANIS, BOLA TUMBOK, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

Dalam ruangan BERLAKUN, kanak2 bersama-sama Che'gu Sa'diah akan berlakun menjadi kapal terbang dan saterus-nya akan di-tunjokkan chara2 membuat kapal terbang daripada kertas, di-dalam ruangan KERJA TANGAN. SI-MANIS berpesan kapada kanak2 kali ini supaya jangan bermain dengan kipas angin. DI-HALAMAN BERCHERITA pula, Che'gu Sa'diah akan mencheritakan tentang 'Taman Bunga Si-Henry'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 41

## SELASA — 18HB MACH

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
"Chuacha 1"

10.30 KAP KAP UDANG 42
Ranchangan kali ini di-isikan dengan BERMAIN KUDA, LIHAT dan PERHATI, PA' LONG, AMINAH, SIRI PERMULA'AN dan CHERMIN SAKTI.

Di-dalam ruangan LIHAT dan PERHATI, kanak2 akan di-tunjokkan beberapa keping gambar dan mereka dikehendaki memerhatikan perubahan2 yang di-buat oleh Che'gu Sa'diah. SIRI PERMULA'AN kali ini mencheritakan tentang kapal terbang.



Orang pergi berkelah bila chuacha baik.



Banjir terjadi bila hujan terlalu lebat.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 42

## RABU — 19HB MACH

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
"Chuacha 1"

10.30 KAP KAP UDANG 43
Ranchangan kali ini akan membuat aktiviti2 saperti BERSENAM, TUNJOK BENDA, KATA SI-MANIS, AMIN, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

Di-HALAMAN BERCHERITA, Che'gu Sa'diah akan mencheritakan tentang "Sa-ekor Kuching dengan Musang".

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 43

## KHAMIS — 20HB MACH

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
"Chuacha 1"

10.30 KAP KAP UDANG 44
Ranchangan kali ini akan di-isikan dengan BERMAIN MUSIK, KAJIAN SEMULA JADI, BERMAIN BAKUL, SI-MANIS, GAMBAR DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI.

Dalam ruangan KAJIAN SEMULA JADI, kanak2 akan di-tunjokkan buah2 yang berkulit kasar dan berkulit halus saperti nenas, chiku, epal dan lain2. Chegu Sa'diah akan menunjokkan gambar2 yang di-kirimkan oleh kanak2 diruangan GAMBAR DARI RUMAH.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 44

## SABTU — 22HB MACH

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 45
Di-dalam ranchangan kali ini Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat IKUT KETUA, YANG MANA GANJIL, AMIN, MAIN KERUSI, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

Di-ruangan YANG MANA GANJIL, Chegu Sa'diah akan menguji kanak2 dengan menunjokkan beberapa keping gambar yang sa-akan2 sama bentok-nya. Kanak2 akan menchari yang mana satu ganjil.

HALAMAN BERCHERITA pula, Che'gu Sa'diah akan mencheritakan tentang 'Buah2an'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 45.



TIMBALAN Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negeri Brunei, Dato Paduka Haji Basir ketika menyampaikan tauliah pengakap kapada salah sa-orang pemimpin pengakap di-sambutan tersebut.

# Memperingati Hari Pengasas Pengakap Sa-Dunia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persekutuan Pengakap Tempatan Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan majlis memperingati Hari Pengasas Pengakap Sa-Dunia — Lord Baden Powell 1980 yang telah di-adakan di-Pusat Belia di-sini pada hari Ahad yang baru lalu dan telah di-rasmikan oleh Timbalan Ketua Pesurohjaya Pengakap Negeri Brunei, Awang Ahmad bin Dato Matnoor.

Sa-ramai 400 orang pengakap; anak serigala; venture perempuan dan Pandu Puteri di-daerah tersebut telah menghadhiri sambutan pada petang itu.

Sambutan pada petang itu telah di-mulakan dengan uchapan alu-aluan dari pengerusi sambutan, Awg Hassan bin Haji Shahari, kemudian-nya di-ikuti oleh Perutusan Lord Baden Powell yang telah di-sampaikan oleh Timbalan Ketua Persurohjaya Pengakap Negeri Brunei, Awang Ahmad bin Dato Matnoor yang saterus-nya membuka rasmi majlis itu.

Bagi memperingati Hari Pengasas Pengakap Sa-Dunia itu sa-ramai empat orang pemimpin2 pengakap tempatan Daerah Brunei dan Muara telah menerima surat tauliah yang telah di-sampaikan oleh Dato Paduka Haji Basir, Timbalan Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negeri Brunei.

Mereka yang telah menerima surat tauliah pengakap itu ia-lah Awang Anthony Paul Comax, Awang Yusof bin Madin, Dayang Cheng dan Dayang Helen Awang Sitai.

Kemunchak dari achara majlis pada hari itu ia-lah persembahan tarian dan nyanyian yang telah di-sampaikan oleh pengakap2 dari Sekolah Inggeris Berakas; Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Menengah Bawah; Sekolah Menengah SMJA dan Sekolah Menengah Chung Hwa di-samping itu di-persembahkan juga permainan penchak silat.

Sa-lain daripada itu majlis juga telah di-serikan dengan pertunjokan kechekapan yang telah di-persembahkan oleh pengakap2 tempatan daerah tersebut saperti membuat tiang bendera, menara dan lain2-nya yang berhubong dengan kechekapan kerja2 pengakap.

Turut hadhir di-majlis itu termasok-lah Yang Dipertua Persatuan Pengakap Negeri Brunei, Dato Haji Ali Khan bin Abdul Khan, pemimpin2 pengakap serta jemputan2 khas yang lain-nya.



AWANG Ahmad bin Dato Matnoor (2 dari kanan) yang merasmikan sambutan memperingati itu ada-lah di-antara pemimpin2 pengakap negeri ini hadhir bersama menjayakan-nya.

# Perlumbaan Semi-Marathon anjoran Persatuan Belia Sumbiling

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Belia Sumbiling akan menganjorkan Perlumbaan Semi Marathon pada 13hb April depan terbuka kapada semua pendudok2 di-negeri ini.

Perlumbaan tersebut di-bahagikan kapada lima bahagian ia-itu lelaki terbuka — untok peserta lelaki berumor 15 tahun ka-atas; lelaki veteran — untok lelaki berumor 35 tahun ka-atas; wanita terbuka — untok wanita berumor 14 tahun ka-atas; lelaki berpasokan — untok lima orang sa-pasokan dan wanita berpasokan untok lima orang sa-pasokan.

Perlumbaan bagi peserta lelaki akan berlepas dari Pekan Muara sementara peserta2 perempuan pula berlepas dari Simpang Jalan Mentiri/Pengkalan Sibabau. Kedua-dua perlumbaan itu akan berakhir dihadapan Pusat Belia ibu negeri.

Kenderaan bagi membawa peserta2 ka-tempat berlepas akan di-sediakan oleh pehak penganjor dan tiap2 peserta ada-lah di-kehendaki berada di-Pusat Belia sa-belum pukol 6.00 pagi.

Sa-tiap peserta akan di-kenakan bayaran masok bertanding sa-banyak $1.00 bagi perseorangan sementara berpasokan sa-banyak $3.00.

Borang2 dan sharat2 perlumbaan sekarang boleh di-dapati dari; Chegu Mustapha bin Haji Murni, Pusat Tingkatan Enam, Jalan Gadong; Chegu Rani bin Metassan, Sekolah Persediaan Inggeris Kampong Mata2, Gadong; Chegu Arpan Shahbudin bin Haji Latif, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Menengah Atas; Chegu Usman bin Haji Abdullah, Sekolah Pertukangan Saiful Rizal, Jalan Muara.

Awang Ibrahim bin Yahya, Pengurus Kantin Pusat Belia, BSB Brunei; Awang Mohd Yusof bin Haji Murni, Tingkat 2, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Awang Osman bin Pehin Tuan Imam Dato Setia Hj Mohd Tamin, Tingkat 3, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Borang2 penyertaan berserta wang bayaran masok hendak-lah di-hantar kapada Setiausaha Perlumbaan, Awang Osman bin Pehin Tuan Imam Dato Setia Awg Haji Mohd Tamin, Tingkat Tiga, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei tidak lewat dari hari Isnin 31hb Mach 1980.

## Mashuarat agong Persatuan Chator

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Chator Brunei akan mengadakan mashuarat agong-nya bertempat di-Pusat Belia di-sini pada hari Ahad 23hb Mach mulai jam 9.00 pagi bagi melantek ahli2 jawatan-kuasa baru bagi tahun 1980.

Oleh yang demikian Setiausaha persatuan tersebut meminta semua ahli2 persatuan tersebut supaya akan dapat hadhir di-mashuarat itu nanti.

BELIA DAN SOKAN

## Rentas desa perengkat akhir sa-negeri

TUTONG. — Perlumbaan rentas desa perengkat sa-negeri bagi sekolah2 rendah, menengah bawah dan menengah atas akan di-langsongkan di-Padang Arena Sokan Muda Hashim di-Pekan Tutong di-sini pada 31hb Mach ini mulai jam 1.30 petang.

Bagi Daerah Brunei dan Muara akan di-wakili oleh pemenang2 pertama dan kedua dalam bahagian berpasokan manakala Daerah Belait, Tutong, Temburong hanya akan di-wakili oleh pemenang pertama dalam bahagian tersebut.

Walau bagaimana pun ke-empat2 daerah akan di-wakili oleh pemenang2 pertama, kedua dan ketiga dalam bahagian perseorangan.

Perlumbaan tersebut ada-lah salah satu achara sokan dan olahraga yang di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Jasmani, Jabatan Pelajaran Brunei sa-bagai projek tahunan jabatan itu.

Perlumbaan rentas desa kali ini merupakan kali yang ke-enam bagi sekolah2 menengah atas, kali ketujoh bagi sekolah2 menengah bawah dan kali yang ka-enambelas bagi sekolah2 rendah.





PESERTA lelaki (kanan) dan perempuan (kiri) yang menyertai perlumbaan rentas desa sa-negeri yang telah di-langsongkan di-Daerah Tutong.



DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, DYMM Paduka Seri Baginda Sultan, DYTM Paduka Seri Begawan Sultan dan lain2 Kerabat Diraja Pahang dan Brunei serta pemain2 polo bergambar ramai sa-bagai kenang2an sa-lepas ber-akhir-nya perlawanan polo pada hari Ahad lepas. Sementara gambar kanan kelihatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan menerima piala yang di-sampaikan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong di-Majlis Penyampaian hadiah di-Jerudong Park pada malam Isnin lalu.



# Pasokan DYMM tidak pernah kalah di-semua perlawanan

Dari muka 1

**8hb Mach, 1980**
**(Piala2 Sultan dan Dairy Farm)**

Pasokan Duli Yang Maha Mulia menewaskan Calatagan dari Filipina dengan 11 gol berbalas 8.

Pasokan Perdana seri dengan Cirencester Park, UK dengan kedudokan gol 5-5.

**9hb Mach, 1980**
**(Piala National Bank dan Tropi Jerudong Park)**

Pasokan DYMM Paduka Seri Baginda Sultan menewaskan Pasokan Diraja Pahang dengan kedudokan gol 9-4.

Pasokan Calatagan mengalahkan pasokan Perdana dengan 7 gol berbalas 5.

Atas kemenangan pasokan Baginda itu, bukan saja dapat mempertahankan "Piala Sultan" tetapi juga memenangi "Piala Terbuka Antarabangsa Brunei" (The Brunei International Open Cup). Dengan ini, Piala2 utama untok perlawanan itu dapat di-pertahankan untok terus berada di-Brunei.

Sa-lain dari itu, mutu pemain2 tempatan juga meningkat naik dan sa-orang di-antara-nya telah di-istiharkan sa-bagai pemain tempatan yang terbaik dan memenangi "Piala Sufri Bolkiah".

Pemain itu ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal, Pengiran Muda Jefri Bolkiah yang telah menunjokkan ketangkasan bermain di-sepanjang perlawanan. Atas kehandalan-nya itu, Yang Teramat Mulia juga telah berjaya meningkatkan taraf-nya sa-bagi pemain dan di-naikkan dari satu hindikep kapada tiga hindikep.

Kedudokan mata perlawanan utama ada-lah saperti berikut:

Pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia — 8 mata.
Pasokan Diraja Pahang — 4 mata.
Pasokan Perdana — 3 mata.
Pasokan Cirencester Park (U.K.) — 3 mata.
Pasokan Calatagan (Filipina) — 2 mata.

(Sementara itu, dalam keluaran Pelita Brunei minggu lepas terdapat kesilapan chatetan gol perlawanan antara pasokan Jerudong Park melawan Berlin. Kedudokan mata yang sa-benar-nya ia-lah Jerudong Park menewaskan Berlin dengan 10 gol berbalas ½).

Penyampaian hadiah2 telah di-sempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tengku Hajjah Afzan di-satu istiadat yang berlangsong di-Jerudong Park pada hari Ahad lepas di-sebelah malam.

# Achara2 lawatan

Dari muka 1

termasok-lah lawatan ka-Radio Talivishen Brunei di-sini pada hari Khamis 6hb Mach lalu.

Keberangkatan Baginda Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong di-bangunan itu telah di-alu2kan oleh Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib; Pengawal RTB, Dato James Miller dan lain2 pegawai2 kanan jabatan tersebut.

Di-bangunan ini Baginda dan rombongan telah di-bawa melihat berbagai2 bahagian RTB antara-nya termasok-lah bilek berita, bilek gerafik, bilek reka bentok, studio dan lain2 lagi tempat yang menarek di-bahagian RTB.

Pada hari Jumaat 7hb Mach pula DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong berserta rombongan Diraja telah menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat di-Masjid Omar Ali Saifuddin berserta dengan raayat jelata.

Juga berangkat menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat itu termasok-lah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei; DYTM Paduka Seri Begawan Sultan; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal serta lain2 kerabat Diraja dan orang2 kenamaan.

Pada sebelah malam-nya pula Baginda Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong telah mengadakan satu majlis jamuan yang telah di-adakan di-KD Seri Langkawi di-Pangkalan Angkatan Laut Pertama Askar Melayu Diraja Brunei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berangkat berchemar duli ka-majlis itu.

Turut berangkat ka-majlis itu ia-lah DYTM Paduka Seri Begawan Sultan; Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal; DYTM Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah; YAM Tengku Muda Pahang, Tengku Abdul Rahman dan lain2 kerabat Diraja Pahang dan Brunei serta orang2 kenamaan.

DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong juga telah mengadakan perlawanan polo sa-chara persahabatan dengan pasokan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei pada hari Rabu 5hb Mach bertempat di-Jerudong Park yang berkesudahan Pasokan Baginda Yang Dipertuan Agong tewas 5-7 di-tangan Pasokan Kebawah DYMM.

Sementara itu pada malam Ahad lalu, Baginda Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong berangkat menghadhiri Majlis Persantapan yang khas di-adakan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri yang telah di-adakan di-Istana Darul Hana.

Sa-belum menghadhiri Persantapan itu, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah bertukar-tukar chenderamata.

Turut berangkat ka-majlis itu termasok DYTM Paduka Seri Begawan Sultan; DYTM Tengku Mahkota Pahang; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal; kerabat2 Diraja Brunei dan Pahang serta pembesar2 negara dan pegawai2 Kerajaan.

GAMBAR2 sa-panjang lawatan DYMM Seri Paduka Baginda Ya'ng Dipertuan Agong dan DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong di-siarkan di-muka tengah.

# 194 chalun lulus SAP Perengkat 'O'

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 194 orang chalun dari jumlah 402 orang chalun yang mendudoki pepereksaan Sijil Pelajaran Singapura/Cambridge perengkat biasa aliran Melayu yang telah di-adakan tahun lepas telah lulus.

Jumlah penuntut2 yang telah lulus itu ia-lah mereka yang mendapat antara tiga dan lapan mata pelajaran keridet dan peratus kelulusan pada tahun ini ia-lah 48.26 peratus.

Dari jumlah yang lulus itu, dua orang penuntut telah mendapat lapan mata pelajaran keridet ia-itu Dy. Rose binte Karim dari Sekolah Menengah SMJA, Bandar Seri Begawan dan Dy. Jennifer Narcis dari Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Sementara itu sa-ramai lima orang chalun mendapat tujoh mata pelajaran keridet, 14 orang mendapat empat keridet, 41 orang mendapat lima keridet, 56 orang mendapat empat keridet dan 76 orang yang lain-nya mendapat tiga mata pelajaran keridet dan sa-jumlah 208 orang chalun mendapat dua keridet ka-bawah.

Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah telah mengatasi lima buah sekolah yang lain ia-itu dengan mendapat kelulusan 70.00 peratus. Sekolah tersebut mengemukakan 10 orang chalun tujoh orang daripada-nya telah lulus.

Tempat kedua ia-lah Maktab Melayu Paduka Seri Begawan dan Sekolah Sains, Jalan Muara di-mana dari jumlah 111 orang chalun yang mendudoki pepereksaan 59 orang telah lulus. Peratus kelulusan ia-lah bersamaan dengan 53.15 peratus.

Ini kemudian-nya di-ikuti oleh Sekolah Menengah SMJA dengan peratus kelulusan 46.35 peratus. Dari 151 orang chalun yang mengambil pepereksaan 70 orang telah lulus. Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong mendudoki tempat yang keempat dengan 46.26 peratus di-mana sa-ramai 31 orang chalun telah lulus dari 67 orang chalun yang mendudoki pepereksaan. Sekolah Menengah Ahmad Tajuddin, *Kuala Belait* mendapat tempat yang kelima dengan 42.85 peratus. Dari 697 orang chalun persendirian yang mendudoki pepereksaan itu, sa-ramai 200 orang telah lulus dengan mendapat di-antara tiga hingga lapan mata pelajaran SAP. Peratus lulus ada-lah bersamaan dengan 28.69 peratus. Dari jumlah itu sa-orang mendapat enam mata pelajaran keridet, 14 orang mendapat lima keridet, 70 orang mendapat empat keridet dan 115 orang mendapat tiga keridet.

**Keputusan penoh pepereksaan tersebut di-siarkan di-muka 12.**




KAPALTERBANG Diraja Brunei yang ketiga telah tiba pada hari Isnin lalu sa-telah terbang sa-jauh 14,000 batu dari Seattle. Kapalterbang yang di-pandu oleh Kaptan David Taylor itu meninggalkan Seattle di-mana ia-nya di-bena pada hari Jumaat lalu sa-telah Pengurus Umom RBA, Awang Alang Douglas menerima-nya sa-chara rasmi dalam satu upachara sengkat. Beliau ada-lah salah sa-orang penumpang dalam kapalterbang Boeing 737-200 itu.

Kapalterbang yang baru itu (kiri) boleh juga di-gunakan sa-bagai pesawat kargo apabila di-kehendaki.

Dengan ketibaan pesawat itu, Diraja Brunei sekarang mempunyai tiga buah kapalterbang Boeing 737.

# Perbarisan tamat latehan

JALAN MUARA. — Satu perbarisan tamat latehan bagi rekrut wanita pasokan Pulis Diraja Brunei akan di-adakan pada hari Sabtu 15hb. Mach ini bertempat di-Pusat Latehan Pulis Diraja di-sini mulai jam 7.45 pagi.

Sa-ramai 36 orang rekrut wanita yang akan menamatkan latehan dan kira2 200 orang anggota pasokan Pulis Diraja di-jangka akan mengambil bahagian dalam perbarisan itu nanti.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna binte DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin di-beri penghormatan untok memereksa dan membalas tabek kehormatan.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.